



PERSATUAN FARMASI MALAYSIA
MALAYSIAN PHARMACEUTICAL SOCIETY
16-2, Jalan OP 1/5, 1-Puchong Business Park, Off Jalan Puchong
47160 Puchong, Selangor
Tel: 03-8079 1861, Fax: 03-8070 0388
Email: mps.online@gmail.com Website: www.mps.org.my

28HB MAC 2020

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FARMASI IALAH SATU PERKHIDMATAN PENTING DAN AHLI FARMASI ADALAH KAKITANGAN PERUBATAN DI BARISAN HADAPAN DALAM PEPERANGAN MENENTANG WABAK COVID-19

1. Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) mengambil maklum tentang pelancaran satu pakej ekonomi baharu yang dinamakan sebagai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau Prihatin bagi mendepani wabak jangkitan COVID-19 di Malaysia. Pelancaran ini telah diadakan pada hari Jumaat 27 Mac 2020 oleh YAB Perdana Menteri.
2. Pakej ini ialah satu pakej ekonomi yang menyeluruh dan melibatkan setiap golongan rakyat Malaysia dan ianya sangat dialu-alukan apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilakukan kerajaan telah memberikan kesan-kesan secara langsung kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan B40 dan M40 yang telah kehilangan/terjejas punca pendapatan mereka.
3. Pakej ini telah menekan satu aspek yang sangat menarik berkaitan profesion kesihatan, iaitu pemberian elaun khas sebanyak RM 600 sebulan kepada doktor dan kakitangan perubatan di barisan hadapan mulai 1 April 2020. Bagi MPS, ahli-ahli farmasi adalah sebahagian daripada kakitangan perubatan yang dimaksudkan tersebut. Mereka tergolong daripada kakitangan perubatan yang berada di barisan hadapan untuk menentang wabak COVID-19.
4. Sejak PKP dilaksanakan pada 18 Mac 2020 yang lalu berikutan gelombang kedua penularan wabak COVID-19, perkhidmatan farmasi yang menjurus kepada pengurusan ubat-ubatan telah dikenalpasti sebagai satu perkhidmatan penting dalam strategi kerajaan untuk mendepani wabak COVID-19. Ini adalah sangat dialu-alukan. MPS berpendapat

bahawa sebagai satu perkhidmatan penting, perkhidmatan farmasi seharusnya bukan sahaja terlibat di sektor awam tetapi juga di sektor swasta. Perkhidmatan farmasi di sektor farmasi komuniti dan hospital swasta ialah aset-aset negara yang penting dalam peperangan menangani virus COVID-19 yang perlu dilindungi kerajaan, selaras dengan hasrat dan tujuan program Prihatin untuk melindungi setiap rakyat di negara ini.

5. Perkhidmatan-perkhidmatan farmasi yang terlibat adalah seperti berikut:-
 - a. Perkhidmatan farmasi logistik
 - b. Perkhidmatan farmasi ambulatori
 - c. Perkhidmatan farmasi pesakit dalam
 - d. Perkhidmatan farmasi pengeluaran (steril dan bukan steril)
 - e. Perkhidmatan farmasi klinikal
 - f. Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal
 - g. Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan
 - h. Perkhidmatan maklumat ubat-ubatan

6. Berdasarkan tinjauan MPS yang dibuat di lapangan baru-baru ini, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh petugas-petugas farmasi seperti berikut:-
 - a. Perkhidmatan farmasi logistik
 - i. Perolehan ubat-ubatan yang spesifik untuk pesakit-pesakit Covid-19
 - ii. Perolehan barang-barang pakai buang
 - iii. Perolehan pelbagai produk peranti perubatan
 - b. Perkhidmatan farmasi ambulatori
 - i. Kesulitan tambahan akibat pelaksanaan penjarakan sosial di farmasi pesakit luar
 - ii. Menjadual semula apoinmen pengambilan ubat dan pelaksanaan pelbagai perkhidmatan tambah nilai (VAS) seperti pandu lalu, “Locker4u” dan ubat melalui pos
 - iii. Mendispens ubat kepada pesakit-pesakit yang diterima daripada pusat-pusat rawatan COVID-19 seperti Hospital Sungai Buloh dan 26 pusat rawatan yang lain
 - iv. Mendispens ubat kepada pesakit-pesakit COVID-19 yang disaring di peringkat triaj di Jabatan Trauma dan Kecemasan

- v. Kreativiti untuk menghasilkan “aero-chamber” secara DIY untuk menggantikan nebulizer yang tidak sesuai digunakan dalam tempoh penularan wabak COVID-19
- c. Perkhidmatan farmasi pesakit dalam
 - i. Memastikan bekalan ubat-ubatan adalah mencukupi berikutan pertambahan bilangan pesakit di wad
- d. Perkhidmatan farmasi pengeluaran (steril dan bukan steril)
 - i. Penghasilan pembasmi kuman tangan sebanyak 2,000 unit seminggu yang diperlukan untuk kegunaan hospital.
- e. Perkhidmatan farmasi klinikal
 - i. Melakukan lawatan wad bersama pakar dan doktor untuk menilai semula regim farmakoterapi bagi mencegah kesilapan pengubatan dan memastikan rawatan diberikan secara optimum
 - ii. Mengenal pasti risiko alergi pesakit terhadap ubat jika ada
 - iii. Perkhidmatan pendispensan ubat tepi katil semasa pesakit COVID-19 didiscaj daripada wad
- f. Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal
 - i. Memberikan perkhidmatan ini untuk kes-kes yang memerlukan
- g. Perkhidmatan Kaunseling ubat-ubatan
 - i. Perkhidmatan kaunseling ubat tepi katil ketika pesakit COVID-19 akan didiscaj daripada wad
- h. Perkhidmatan maklumat ubat-ubatan
 - i. Pendidikan tentang kebersihan diri dan penyakit COVID-19 kepada pesakit-pesakit luar
 - ii. Menyelaras maklumat farmakoterapi dalam rawatan COVID-19

7. MPS telah mengesan beberapa isu lain seperti berikut:-

- a. Kekurangan topeng muka dan pembasmi kuman tangan untuk kegunaan ahli-ahli farmasi komuniti
- b. Pegawai farmasi hospital perlu melakukan tugas atas panggilan selama 24 jam untuk membekal ubat-ubatan yang diperlukan
- c. Pegawai farmasi hospital perlu menggantikan tugas atas panggilan bagi rakan-rakan ahli farmasi yang terjejas dengan COVID-19 pada bila-bila masa sahaja apabila diperlukan.

- d. Ahli-ahli farmasi berdepan dengan risiko penyakit COVID-19 apabila berinteraksi dengan pesakit-pesakit COVID-19 khususnya yang tiada bergejala.
8. MPS ingin menyimpulkan bahawa perkhidmatan farmasi baik dari sektor awam mahupun sektor swasta adalah perkhidmatan penting yang perlu dilindungi Kerajaan. Ahli-ahli farmasi baik di sektor awam mahupun sektor swasta merupakan kakitangan perubatan di barisan hadapan dan layak untuk mendapat elaun khas sebanyak RM 600 sebulan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini.

Amrahi Buang
Presiden
Persatuan Farmasi Malaysia